

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI  
HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN PENTADBIRAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
TAHUN 2022**

**PADA**

**4 JANUARI 2022 (SELASA)  
JAM 9:00 PAGI**

**DEWAN THEATRETTE  
WISMA NEGERI**

## **BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Bersih • Muafakat • Sejahtera.

Terima kasih Pengacara Majlis

YB Dato' Haji Zulkefly Mohamad Omar  
Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Ahli-ahli Yang Berhormat

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul di pagi barakah ini, bersempena dengan **Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2022**.

2. Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua Ketua Jabatan yang terpilih untuk bersama-sama saya dalam majlis ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan agensi strategik di Negeri Sembilan, yang menganjurkan perhimpunan pada pagi ini, untuk saya

menyampaikan amanat kepada seluruh penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Sembilan. Saya yakin dan percaya, dengan tahun baharu, norma baharu, semangat dan iltizam warga kerja Negeri Sembilan juga baharu.

3. Semangat dan komitmen semua penjawat awam yang turut terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini serta semua pihak dalam menyokong usaha memperkasa penyampaian dan gerak kerja Kerajaan Negeri amat saya hargai. Bak kata teromba **yang kuat memikul beban, yang cerdik disuruh berunding, yang bingung disuruh arah.** Saya difahamkan juga perhimpunan hari ini berlangsung secara hibrid iaitu fizikal dan maya bertepatan dengan Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara. Saya juga dimaklumkan semua penjawat awam negeri dan persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan sama-sama mengikuti ucapan saya sama ada melalui *facebook live* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan juga melalui ruang telesidang yang disediakan.

## **KUTIPAN HASIL NEGERI**

Sidang hadirin sekalian,

4. Sesungguhnya, tuan-tuan dan puan-puan sebagai penjawat awam telah menjunjung tinggi amanah yang besar kepada negeri beradat Perpatih ini. Secara amnya, saya amat berpuas hati dan merasakan kecemerlangan penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Sembilan tidak kira di Jabatan Negeri mahupun Persekutuan. Suka saya umumkan, sehingga 31 Disember 2021, hasil negeri yang berjaya dikutip berjumlah RM397.4 juta bersamaan 88.71 peratus daripada sasaran lantaran negeri berhadapan dengan pandemik COVID-19.

5. Syukur Alhamdulillah, Negeri Sembilan juga berada dalam keadaan pentadbiran yang kukuh, bersih, rakyat muafakat dan negeri sejahtera. Tahniah kepada semua. Inilah hasil muafakat Anggota Pentadbiran Kerajaan yang berdiri teguh di bersama saya. Bak kata orang tua-tua:

***Seikat bak sirih, serumpun bak serai***

***Seciap bak ayam, sedencing bak besi***

***Malu tak boleh diagih, suka tak boleh diinjak***

***Melompat sama parah, menyerudup sama bongkok***

***Jalan sedundun, selenggang seayun.***

## **PRESTASI PERBELANJAAN NEGERI**

6. Dari segi perbelanjaan, prestasi Kerajaan Negeri Sembilan merekodkan lebih 90 peratus daripada peruntukan yang telah diluluskan. Ketua Jabatan memainkan peranan penting untuk membelanjakan peruntukan dan merencana gerak kerja untuk merancakkan ekonomi. Saya berharap semua penjawat awam di Negeri Sembilan sedar kepentingan meningkatkan usaha supaya prestasi perbelanjaan yang disasarkan sebanyak 99.9 peratus dapat tercapai pada tahun 2022.

7. Kita telah sama-sama melangkah ke gerbang Tahun Baharu 2022. Saban tahun kita menyambut tahun baharu dengan melakukan muhasabah untuk menilai kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang ditempuh. Maka, untuk Tahun 2022 ini, menjadi harapan

saya agar kekayaan dan kemakmuran hasil Negeri Sembilan yang sedang kita kecapai dapat kekal mampan dan berdaya tahan selaras dengan tema Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2022 iaitu “**Mendaya Upaya Ekonomi Rakyat**”. Sama-samalah kita berusaha ke arah itu.

## **COVID-19 DAN KEJADIAN BANJIR**

Hadirin Yang Budiman,

8. Tahun 2021 telah mencoret cabaran yang cukup besar dan getir apabila rakyat terus berdepan dengan pandemik COVID-19 yang belum menemui titik penghujungnya. Cabaran ini bukan sahaja menguji kekuatan kita sebagai penjawat awam secara individu, tetapi daya ketahanan kita sebagai benteng di sebuah negeri yang masyarakat yang berbilang kaum dan latar budaya. Terima kasih *frontliners* dan penjawat awam yang membantu pentadbiran saya di Negeri Sembilan lebih-lebih lagi dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

9. Selain itu, sebelum berakhir tahun 2021 kita dikejutkan dengan kejadian banjir luar biasa di Negeri Sembilan yang melibatkan 96 lokasi keseluruhannya. Kejadian banjir ini bukan sahaja melibatkan kemusnahan tempat tinggal, kehilangan harta malah menyebabkan banyak infrastruktur yang dibina sebelum ini musnah. Bukan itu sahaja, terdapat kawasan putus hubungan jalan darat dan komunikasi iaitu tidak mendapat liputan Internet disebabkan bekalan elektrik tidak berfungsi pada menara sedia ada.

10. Berikutan kejadian banjir ini, Kerajaan Negeri Sembilan mengumumkan peruntukan tambahan RM12 juta bagi menangani kesan banjir, merangkumi bantuan kepada ketua isi rumah sebanyak RM5 juta,

kerja baik pulih infrastruktur jalan dan jambatan rosak (RM5 juta), baik pulih rumah (RM1 juta), lain-lain bantuan keperluan asas (RM700,000) dan kerja-kerja pembersihan RM300,000. Setakat 31 Disember 2021, Kerajaan negeri sudah menyalurkan bantuan berjumlah lebih RM3.4 juta kepada 3,462 ketua isi rumah di Negeri Sembilan menjadi mangsa banjir. Semoga semua yang terkesan akibat banjir ini bersabar dan tabah menghadapi dugaan yang menimpa. Kerajaan Negeri akan berusaha membantu mereka yang terkesan banjir ini dari semasa ke semasa.

11. Awal tahun 2022 ini, Daerah Tampin, Jempol dan Kuala Pilah pula dilanda banjir. Laporan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Negeri Sembilan merekodkan lebih 2,000 mangsa terjejas banjir di tiga daerah ini dan telah ditempatkan di 20 buah pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka. Syabas dengan semua tindakan segera telah ambil oleh agensi dan jabatan yang terlibat.

11. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua agensi terutama anggota keselamatan, penjawat awam, pihak media termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjernihkan suasana kalam mangsa banjir dengan memberi sumbangan dan bakti kepada mangsa-mangsa banjir. Saya percaya tuan-tuan telah melakukan yang terbaik untuk masyarakat. Masyarakat juga harus sedar dan mengakui bantuan terbaik telah diberikan. Semua yang bertugas berhadapan dengan situasi sukar kerana jumlah anggota keselamatan termasuk bomba dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang terhad serta keperluan untuk mempunyai jaringan jalan

raya yang baik terutama di kawasan pedalaman apabila berlakunya tragedi banjir agak luar biasa.

12. Sedemikian, untuk Tahun 2022 saya mahu penjawat awam di Negeri Sembilan berpegang kepada **tiga (3) strategi** berikut:

**(i) Memperkukuh ekonomi rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi**

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sedang membangunkan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021-2025. Rancangan ini merupakan pelan jangka sederhana bagi pembangunan ekonomi negeri. Tumpuan bagi rancangan ini adalah kepada bidang Makroekonomi dan Fiskal Negeri, Keusahawanan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Modal Insan, Penggunaan Sumber Alam dan tumpuan kepada sektor bernilai tinggi. Kita percaya kerjasama strategik antara awam dan swasta menggalakkan pelaburan dan memudahkan pelabur mencari peluang kejayaan di sini. Selain itu, pelaburan berteknologi tinggi yang disasarkan akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri, di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Saya berharap Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua agensi kerajaan yang terlibat akan menggandakan usaha bagi membantu sasaran berganda pelaburan di Negeri Sembilan untuk tahun ini.

Antara yang boleh dilaksanakan oleh agensi Kerajaan bagi membantu ekonomi rakyat di negeri ini seperti penyediaan keperluan harian pada kadar mampu milik dengan penetapan keuntungan yang selaras bagi penyedia keperluan harian melalui jualan MyRakyat FAMA mahupun Program Jualan Terus Dari Ladang (JDTL). Gambaran ini antara ruang

dan peluang yang mampu dilaksanakan pada peringkat akar umbi dengan memerlukan sedikit sokongan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

**(ii) Memahami kehendak rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi**

Perubahan demografi ialah satu lagi cabaran yang perlu dihadapi di Negeri Sembilan. Pada tahun 2050, populasi dunia dijangka berjumlah 9.8 bilion berbanding 7.6 bilion pada masa ini. Populasi Malaysia dijangka mencecah 35 juta orang dengan lebih daripada 15% dianggarkan berusia 65 tahun dan ke atas. *The Millennials* yang lahir di antara 1980 hingga 2004 ialah kelompok dominan dalam pasaran kerja dengan penguasaan lebih 50% menjelang tahun 2020. Golongan ini cenderung bekerja tanpa komitmen jangka panjang dan sistem ganjaran yang kompetitif. Ini akan mempengaruhi sistem dan prosedur kerja konvensional yang akan berhadapan kesukaran untuk memenuhi kehendak *millennials* disebabkan oleh prinsip, kaedah dan budaya kerja yang berbeza dan pelbagai. Perubahan ini juga menjadi titik tolak untuk Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan meluluskan Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan (Pindaan) 2021 bagi menurunkan had umur seseorang warganegara layak menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada 21 tahun kepada 18 tahun supaya apa yang berlaku Negeri Sembilan selaras dengan kehendak rakyat. Selain itu, golongan muda dapat menentukan masa depan dan seiring peredaran zaman serta penting dalam proses pembentukan dasar dan membawa politik lebih progresif.



### (iii) **Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang proaktif dan responsif**

Saya percaya penyampaian perkhidmatan awam hari ini beroperasi dalam persekitaran global yang cepat berubah, tidak menentu, kompleks dan samar atau VUCA (*volatile, uncertain, complex, ambiguous*). Senario semasa kini menjadi semakin kompetitif akibat aruhan penggerak utama (*driving forces*) seperti perubahan demografi, globalisasi, liberalisasi perdagangan, keterbukaan sosial, ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), ekonomi digital, perluasan konsep tadbir urus baik dan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, produktiviti dan nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan awam di negeri ini yang perlu bergerak seiring dan berkesinambungan selaras dengan cabaran semasa yang memenuhi kehendak *millennials* disebabkan oleh prinsip, kaedah serta budaya kerja yang berbeza dan pelbagai. Justeru, tidak hairanlah perkhidmatan awam hari ini dituntut memberi pulangan yang setara bagi penyedia perkhidmatan atau penyumbang yang berhubung kait dengan pembayar cukai.

### **PENUTUP**

Penjawat awam yang saya kasihi sekalian,

13. Di kala waktu sebegini, keprihatinan semua pihak amat dituntut dan perlu ditingkatkan. Kesyinambungan penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang perlu diadaptasi bersama-sama dengan membantu masyarakat meningkat ekonomi sedia ada. Kita bukan sahaja perlu bersama-sama membasmi sebaran pandemik COVID-19, malah melonjakkan semangat masyarakat untuk meneruskan kelangsungan kehidupan agar ekonomi negeri kembali mampan hasil kombinasi kesefahaman dan usaha sama semua pihak.

14. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk saya hadir pada hari ini. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga penganjur atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan majlis ini. Moga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan dan dieratkan lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras pegangan kata kunci **Bersih . Muafakat . Sejahtera**. Saya berdoa semoga kita sentiasa diberkati dan dipermudah segala urusan. Marilah kita bersama-sama melangkah ke tahun baharu 2022 dengan lebih berani dan yakin tahun yang baharu ini akan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, insya-Allah.

15. Maka, dengan lafaz Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh saya akhiri ucapan saya pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.